Proposition and condition, Proposition Condition and set, necessary condition and sufficient condition, Negation of condition, Contraposition of proposition, Proposition and proof.

The Number of Outcomes and Probability

Sets, Sets and the number of elements, the number of outcomes, Permutations, Circle permutations · Repeated permutations, Combinations, Binomial theorem, Event and probability, Basic properties of probability, Independent trials and probability, Expectation.

At the end of this course, the students are able to:

1. Use vector methods in lines and planes in Japanese Language.
2. Solve the problems of complex plane, functions and limits in the Japanese language.
3. Apply intermediate level differentiation and integration in calculus problems in Japanese Language.

Assessment Methods: Continuous Assessment: 50% Final Examination 50%

Medium of Instruction: Japanese Language

FAE2012: MATHEMATICS 4

Course Content:

Introduction to Mathematics in Japanese universities, Preparing for the EJU, Preparing to attend university in Japan - how to determine solutions for advanced level equations, inequalities, polynomials, complex numbers, trigonometry, limits and sequences in Japanese, how to use advanced level differentiation and integration in calculus problems and how to apply vector methods in lines and planes in Japanese.

At the end of this course, the students are able to:

1. Determine the solutions of advanced level equations, inequalities, polynomials, complex numbers, trigonometry, limits and sequence in Japanese Language.
2. Use advanced level differentiation and integration in calculus problems in Japanese language.
3. Apply vector methods in lines and planes in Japanese language.

Assessment Methods: Continuous Assessment 100%

Medium of Instruction: Japanese Language

PHYSICS

FAE2013: PHYSICS 3

Course Content:

Waves, Electric field and capacitor, Electric current and magnetic field, Electromagnetic induction and alternating current, Atomic physics, EJU exercises by field.

At the end of the course, the students must be able to:

1. Define the basic concept of physics in waves, electric fields, electric current, magnetic field, electromagnetic induction, alternating current and atomic physics in Japanese language
2. Apply basic physics principles to solve problems in waves, electric fields, electric current, magnetic field, electromagnetic induction, alternating current and atomic physics in Japanese language.

Main Reference Books:

1. AAJ original textbook
2. EJU exercises text by field
3. Japanese High School Physics textbook "Sogo Butsuri", Suken-shuppan
4. Japanese High School Physics exercise book "Seminor Butsuri-kiso+Butsuri", Daiichi-gakushusha, etc

Assessment Methods: Continuous Assessment 50%, Final Examination 50%

Medium of Instruction: Japanese Language

FAE2014 : PHYSICS 4

Course Content:

EJU preparation exercises, Review physics through exercises - Mechanics, Thermodynamics, Wave, Electromagnetics, Atomic Physics, Physics experiment - Conduct 4 experiments and present their results and discussion.

At the end of the course, the students must be able to:

1. Explain the basic principles of physics to solve physics problems in mechanics, thermodynamics, waves, electromagnetics and atomic physics in Japanese language
2. Apply basic principles of physics in laboratory works in mechanics, thermodynamics, waves, electromagnetics and atomic physics in Japanese language.

Main Reference Books:

1. AAJ original textbook
2. Past EJU questions
3. Japanese High School Physics textbook "Sogo Butsuri", Suken-shuppan
4. Japanese High School Physics exercise book "Seminor Butsuri-kiso+Butsuri", Daiichi-gakushusha, etc

Assessment Methods: Continuous Assessment 100%

Medium of Instruction: Japanese Language

FAE2015 : CHEMISTRY 3

Course Content:

State of substance (Part II), Change of substance, Inorganic compound, Organic chemistry, Life chemistry

At the end of the course, the students are able to:

1. Knowing the basic concepts of chemistry in the subject of state of substance (Part II), change of substance, inorganic compound, organic chemistry and life chemistry in Japanese language.
2. Understanding the basic concepts of chemistry in the subject of state of substance (Part II), change of substance, inorganic compound, organic chemistry and life chemistry in Japanese language.
3. To apply the basic concepts of chemistry in the subject of state of substance (Part II), change of substance, inorganic compound, organic chemistry and life chemistry in Japanese language.

Main Reference Books:

1. Japanese High School Chemistry textbook “Kagaku kiso” and “Kagaku”, Suken Shuppan.
2. Japanese High School Chemistry graphic book “Sukuea Saishin-zusetsukagaku”, Daiichi Gakushusha. etc.

Assessment Methods: Continuous Assessment 50%, Final Examination 50%

Medium of Instruction: Japanese Language

FAE2016 : CHEMISTRY 4

Course Content:

To apply, solve and test chemistry problems using the chemistry concepts in protein and polymer chemistry in Japanese language and in practical.

- ◆ Before EJU examination: EJU Examination exercises
- ◆ After EJU examination: Review of important matters and protein and polymer chemistry
- ◆ After Final examination: Experiment and topic studies

At the end of the course, the students are able to:

1. To apply the fundamental protein and polymer chemistry concepts in the Japanese language.
2. To solve chemistry problems using the chemistry concepts in protein and polymer chemistry in Japanese language.
3. To test and solve chemistry problems using the chemistry concepts in protein and polymer chemistry in practical

Main Reference Books:

1. Japanese High School Chemistry textbook “Kagaku kiso” and “Kagaku”, Suken Shuppan.
2. Japanese High School Chemistry graphic book “Sukuea Saishin-zusetsukagaku”, Daiichi Gakushusha. etc.

Assessment Methods: Continuous Assessment 100%

Medium of Instruction: Japanese Language

ENGLISH

FAX2001: ENGLISH LANGUAGE SKILLS FOR PREPARATORY PLAN TO JAPAN ENGLISH LANGUAGE SKILLS FOR PREPARATORY PLAN TO JAPAN

This is the initial course in upgrading students' competency level in the English language for the academic purpose especially for preparing students in using English as a survival mode when they further their studies in Japan. Students will be given practices in the four skills; reading, listening, speaking and writing. They will be exposed to many different reading texts. They also will be listening to variation of texts to build up their listening skills. Students will also be given many different type practices to build up their communication and interaction skills. This course also emphasizes on the writing skills among students especially in translating the information from the non-linear source and essay writing well as producing other academic writing materials.

At the end of the course, students are able to:

1. Obtain information by using listening skills
2. Make a presentation in English
3. Derive information critically from academic texts in English using reading skills
4. Apply writing skills in essay writing, other academic writing and interpretation of information

Main References:

1. New Headway Advanced Student's Book (Fifth edition). Liz and John Soars, Paul Hancock, 2018
2. New Headway Advanced Workbook with key (Fifth edition). Liz and John Soars, Paul Hancock, 2018

Assessment Methods: Continuous Assessment: 100%

Medium of Instruction: English

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI KAMPUS



Kuil Kiyomizu-dera (清水寺), Kyoto, Jepun

KEMUDAHAN DI KAMPUS

Penginapan

Universiti Malaya menyediakan tiga belas buah koleh kediaman untuk pelajar. Semua pelajar Pusat Asasi Sains **DIWAJIBKAN** tinggal di kolej kediaman seperti yang ditetapkan oleh Unit Penginapan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Klinik Kesihatan Universiti Malaya

Pihak Universiti juga turut menyediakan kemudahan kesihatan melalui Klinik Kesihatan Universiti Malaya yang terletak di Bangunan Siswarama, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya. Klinik ini beroperasi setiap hari bekerja pada waktu pejabat.

Waktu Perkhidmatan Klinik Kesihatan Universiti Malaya adalah seperti berikut:

Hari Isnin – Khamis

8.00 pagi – 1.00 petang

1.00 petang – 2.00 petang (Rehat)

2.00 petang – 10.00 malam

Hari Jumaat

8.00 pagi – 12.15 tengahari

12.15 tengahari – 2.45 petang (Rehat)

2.45 petang – 10.00 malam

Hari Sabtu & Ahad

8.00 pagi – 1.00 petang

NOTA :

Waktu pendaftaran akan ditutup setengah jam awal seperti jadual di bawah :

Sesi Pagi	12.30 tengahari (Isnin – Khamis), 11.45 tengahari (Jumaat)
Sesi Petang	4.30 petang (Isnin – Jumaat)
Sesi Malam	9.30 malam (Isnin – Jumaat)

Bilik Rawatan PASUM

Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) menyediakan sebuah Bilik Rawatan, iaitu satu ruang rehat pelajar yang mengalami masalah kesihatan ringan dan memerlukan ruang untuk

berehat seketika sebelum meneruskan kuliah/amali/tutorial. Bilik ini terletak di Aras Bawah, Bangunan PASUM.

Sukan dan Rekreasi

Universiti dan kolej kediaman menyediakan pelbagai kemudahan sukan seperti padang bola, padang hoki, gelanggang badminton, gimnasium, kolam renang. Sepanjang setiap sesi, pelbagai pertandingan dianjurkan peringkat kolej, universiti dan juga peringkat kebangsaan bagi menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam kegiatan sukan dan rekreasi.

Kebudayaan dan Kesenian

Sebagai sebahagian daripada komuniti kampus, pelajar Pusat Asasi Sains Universiti Malaya digalakkan menyertai pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dikendalikan oleh Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.

Antara bentuk kesenian yang ditawarkan adalah tarian tradisional, seni tampak, seni lukis, serta alat muzik. Kegiatan ini turut dianjurkan oleh pihak kolej kediaman dan boleh disertai pelajar pada waktu lapang mereka.

Perpustakaan

PASUM dan Universiti Malaya menyediakan kemudahan perpustakaan dengan koleksi bahan rujukan dan bacaan yang boleh digunakan oleh pelajar untuk tujuan akademik dan pembelajaran sendiri. Koleksi ini boleh dirujuk di tempat atau dipinjam mengikut peraturan yang ditetapkan.

Kaunseling dan Panduan Kerjaya

Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, menyediakan khidmat nasihat berkaitan perancangan kerjaya, termasuk latihan dan peluang pekerjaan.

Unit ini juga menawarkan bantuan kepada pelajar yang mengalami tekanan, masalah peribadi, keluarga atau akademik secara sulit dan profesional. Dari semasa ke semasa, kursus seperti Sistem Pembelajaran Berkesan turut dianjurkan bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi pembelajaran. Pelajar yang ingin mendapatkan khidmat kaunseling boleh membuat temujanji di pejabat PASUM dan hadir berjumpa kaunselor pada setiap hari Selasa dan Khamis.

Penasihat Akademik

Setiap pelajar PASUM akan diberikan seorang Penasihat Akademik. Pelajar digalakkan untuk berunding dengan penasihat mereka bagi mendapatkan bimbingan berkaitan akademik atau masalah peribadi. Selain itu, semua kakitangan PASUM juga sentiasa bersedia membantu pelajar yang memerlukan sokongan dan bimbingan.

TATASUSILA PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI PELAJAR



Menara Tokyo (東京タワー), Jepun

TATASUSILA PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI PELAJAR

Pusat Asasi Sains telah menetapkan bahawa semua pelajar yang berdaftar hanya dibenarkan memakai pakaian seperti berikut:

A. SEPANJANG MINGGU HALUANSISWA

Pelajar Lelaki

1. Kemeja berlengan pendek/panjang.
2. Seluar panjang jenis *slack* sahaja (seluar *jeans* tidak dibenarkan).
3. Berambut pendek, kemas dan rapi.
4. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dan kuku, **kecuali** dengan inai (*henna*).

Pelajar Perempuan

1. Pakaian yang sopan dan longgar seperti baju kurung dan pakaian seumpamanya.
2. Pemakaian seluar (pants) tidak dibenarkan.
3. Pelajar yang berambut panjang perlu mengikat rambut dengan kemas dan rapi.
4. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dan kuku **kecuali** dengan inai (*henna*).
5. Pelajar beragama Islam digalakkan menutup dan menjaga aurat.

B. SEPANJANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI PUSAT ASASI SAINS (TERMASUK SEMASA BERURUSAN DI PEJABAT)

Pelajar Lelaki

1. Kemeja berlengan pendek/panjang atau kemeja-T berkolar.
2. Seluar panjang jenis *slack* sahaja (seluar *jeans* tidak dibenarkan).
3. Berambut pendek, kemas dan rapi.
4. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dan kuku **kecuali** dengan inai (*henna*).

Pelajar Perempuan

1. Pakaian yang sopan dan longgar seperti baju kurung dan pakaian seumpamanya.
2. Blaus labuh melepasi paras punggung dengan lengan melepasi paras siku.
3. Skirt labuh sekurang-kurangnya pada paras buku lali.
4. Seluar panjang yang longgar dan sopan (seluar *jeans* tidak dibenarkan).
5. Pelajar yang berambut panjang perlu mengikat rambut dengan kemas dan rapi.
6. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dan kuku **kecuali** inai (*henna*).
7. Pelajar beragama Islam digalakkan menutup dan menjaga aurat.

C. DI DALAM MAKMAL

Pelajar diwajibkan memakai baju labuh makmal (*lab-coat*) dan kasut bertutup.

PERHATIAN

Semua pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai yang berikut:

1. Kemeja-T tanpa kolar.
2. Seluar *jeans*.
3. Seluar pendek.
4. Selipar – termasuk semua jenis selipar, capal dan sandal.
5. Pakaian yang tidak sopan (ketat/jarang/singkat) dan tidak sesuai dengan keadaan.
6. Apa-apa pakaian yang menutup kesemua atau sebahagian muka **kecuali** pelitup muka.
7. Memakai baju labuh makmal (*lab-coat*) di luar makmal.

PERINGATAN

Pusat Asasi Sains berhak menghalang pelajar daripada mengikuti kelas pengajaran jika didapati pelajar tidak mematuhi tatasusila pakaian yang tersebut di atas. **Tindakan tatatertib akan diambil pada bila-bila masa juga jika didapati pelajar ingkar dengan peraturan yang ditetapkan. (Rujuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Perkara 26).**

Dikemaskini pada: 17 Julai 2023 (Isnin)

KEGIATAN PELAJAR



Kuil Itsukushima (厳島神社), Hiroshima, Jepun


KEGIATAN PELAJAR

1. JAWATANKUASA BERSAMA PUSAT, PELAJAR DAN PENSYARAH

Pelajar Pusat Asasi Sains juga digalakkan mengambil bahagian dalam kegiatan bukan akademik bagi membantu meningkatkan kemahiran berfikir, jati diri dan sahsiah mereka.

Jawatankuasa Bersama Pusat, Pelajar dan Pensyarah (JBPPP) adalah jawatankuasa yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan yang mengatur kegiatan pelajar dari masa ke semasa. Ahli-ahli terdiri dari pelajar yang dipilih dalam kalangan pelajar sendiri pada tiap-tiap sesi akademik seperti di bawah:

CARTA ORGANISASI JBPPP



2. AKTIVITI-AKTIVITI PELAJAR

- Minggu Suai Kenal Pelajar
- Hari Sukan
- Majlis *Shukugakai*
- Majlis Penyampaian Sijil Tamat Pengajian
- Lain-lain aktiviti yang dirancang

LAMPIRAN: BORANG DAN MAKLUMAT PENTING PASUM



Gerbang Kaminarimon (雷門), Asakusa (浅草), Tokyo, Jepun



BORANG PINDAAN MAKLUMAT PERIBADI

Pindaan kepada (Sila tanda ✓ pada kotak berkenaan):

☐

Ejaan Nama/No. Kad Pengenalan/Lain-lain (Sila nyatakan:_____)

☐

Alamat surat-menyurat

Nama Pelajar: _____
(Gunakan huruf besar dan ejaan nama seperti di dalam kad pengenalan)

No. Kad Pengenalan: _____

No. Pendaftaran: _____

Program: _____

Sesi/Semester: _____

Alamat Baru: _____

No. Tel (Rumah): _____

No. Tel (Bimbit): _____

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

(Untuk kegunaan pejabat)

Pindaan telah dibuat kepada:

☐

Sistem Maklumat Pelajar (SKR)

pada _____

☐

Fail Peribadi Pelajar (PASUM)

pada _____

Tandatangan kakitangan: _____

Tarikh: _____



PERMOHONAN CUTI/PENGECUALIAN DARIPADA KULIAH/TUTORIAL/AMALI

Nama Pelajar : _____

Aliran : _____ Kumpulan : _____ No. Matrik : _____

Alamat Rumah : _____

No. Telefon : _____ Tarikh cuti/pengecualian : _____

Nyatakan sebab memohon cuti/pengecualian **dan** sila lampirkan dokumen pengesahan :

Sekiranya cuti telah diambil sebelum borang dihantar, sila nyatakan sebab kelewatan permohonan ini :

Tandatangan Pelajar : _____ Tarikh : _____

Untuk Kegunaan Pejabat

Kelulusan Pengarah :

	DILULUSKAN
--	-------------------

	TIDAK DILULUSKAN
--	-------------------------

Ulasan Pengarah :

Tandatangan Pengarah : _____ Tarikh : _____

NOTA PENTING : Sila semak semula keputusan permohonan di Pejabat PASUM selepas tiga (3) hari permohonan dibuat. Terima kasih.



**PUSAT ASASI SAINS
UNIVERSITI MALAYA**

PERMOHONAN SESI PERJUMPAAN PELAJAR BERSAMA KAUNSELOR PELAJAR

Bahagian A - *Diisi oleh Pelajar*

Nama Penuh : _____

No Pendaftaran: _____ No. Kad Pengenalan : _____

No Telefon : _____ No. Kumpulan : _____

Alamat Emel : _____

Cadangan Tarikh dan Masa Pelajar ingin berjumpa Kaunselor:

Tarikh	Hari	Masa
1.		
2.		

Tandatangan pelajar : _____ Tarikh : _____

Bahagian B - *Kegunaan Pejabat PASUM*

Tarikh	Hari	Masa

Kaunselor yang akan hadir : _____

Tarikh Memaklumkan kepada Pelajar : _____

Staf Bertugas : _____



**BORANG PERMOHONAN SALINAN SLIP KEPUTUSAN PEPERIKSAAN / SURAT
PENGESEHAN PELAJAR / LAIN-LAIN**

BAHAGIAN A : BUTIR PERIBADI

Nama : _____
(SILA GUNAKAN HURUF BESAR)

No. Matrik : _____ No. K/P : _____

Aliran / Kumpulan : _____ No. Telefon : _____

Alamat : _____

BAHAGIAN B : BUTIR PEMOHON

Saya ingin memohon perkara-perkara seperti berikut:

Sila tandakan (✓) pada ruangan berkenaan :

☐ Salinan Slip Keputusan Peperiksaan Semester _____ Sesi _____

☐ Surat Pengesahan Pelajar PASUM

☐ Lain-lain (Sila nyatakan : _____)

Sebab ingin memohon : _____

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT)

Tarikh Terima : _____

Penyerahan kepada kakitangan bertanggungjawab (nama kakitangan) : _____

Tandatangan kakitangan bertugas : _____

PETA PUSAT ASASI SAINS

KOMPLEK BANGUNAN PASUM (BARU)

- ARAS 1 - Pejabat PASUM
 - Bilik Pengarah & Tamb. Pengarah
 - Bilik Peningkat Pendaftaran IK2
 - Bilik Mesyuarat
 - Bilik Cetak
 - Bilik Pelesen

- ARAS 2 - Dewan Seminar
 - Makmal Komputer
 - Makmal Penyelidikan


- ARAS 3 - Auditorium/ Dewan Kuliah
 - Bilik Akademik

- ARAS 4 - Perpustakaan PASUM
 - Bilik Tutorial

- ARAS 5 - Makmal Biologi 1 & 2
 - Makmal Fisiologi 1 & 2

- ARAS 6 - Makmal Kimia 1, 2, & 3
 - Makmal Fisiologi 3

-  Pusat Asasi Sains
 Ambang Asuhan Jepun



PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM E-PAY@UM

1. PILIH bayaran.

Log masuk ke E-PAY@UM. Pilih kategori & kaedah bayaran.

2. BAYAR dalam talian.

Sahkan butiran pembayaran dan bayar.

3. SELESAI bayaran.

Pengesahan Bayaran & Resit Rasmi.



Sila log masuk menggunakan pilihan akaun Gmail, Facebook atau UMCAS (staf/pelajar UM).

Sila gunakan kaedah pendaftaran EPAY@UM sekiranya anda tidak mempunyai pilihan akaun log masuk di atas.



Setelah berjaya log masuk, sila pilih bayaran yang ingin dibuat. Anda boleh membuat pilihan bayaran melalui EPAY@UM mengikut kategori bayaran atau mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Fakulti.



Sila klik butang BAYAR SEKARANG untuk teruskan dengan bayaran.



Lengkapkan maklumat bayaran.



Semak butiran bayaran dan pilih kaedah bayaran samada FPX, Kad Kredit, E-Dompet atau 7-Eleven.



Resit akan dipaparkan setelah transaksi berjaya.

NOMBOR-NOMBOR TELEFON PENTING

Pejabat Am PASUM	03 – 7967 5800 / 5822/ 5818
Pejabat Keselamatan Universiti	03 – 7967 7070
Klinik Kesihatan Pelajar Universiti Malaya	03 – 7967 6444 / 6445
Bendahari – Bahagian Kewangan Pelajar	03 – 7967 7770
Seksyen Kemasukan dan Pendaftaran	03 – 7967 3440 / 3441
Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan UM	03 – 7960 7429
Kolej Kediaman Dayasari (KK5)	03 – 7956 7948
Kolej Kediaman Ungku Aziz (KK11)	03 – 7954 0806
Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah (KK12)	03 – 7957 7367
Pusat Perubatan Universiti Malaya	03 – 7649 4422
Balai Polis Pantai	03 – 2282 2222
Balai Bomba Pantai	03 – 2282 4444
Hospital Pantai	03 – 2296 0888

**KAEDAH-KAEDAH DAN PERATURAN-
PERATURAN UNIVERSITI MALAYA
(PROGRAM RANCANGAN PERSEDIAAN
KHAS (JEPUN)) 2024
(Sila rujuk di website PASUM)**



Istana Himeji, Hyogo, Jepun

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
[PROGRAM RANCANGAN PERSEDIAAN KHAS (JEPUN)] 2024
SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

BAHAGIAN I
PERMULAAN

- | | |
|---|---|
| 1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian | 3 |
| 2. Tafsiran | 3 |

BAHAGIAN II
PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN

- | | |
|--|---|
| 3. Program Akademik | 5 |
| 4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti | 5 |

BAHAGIAN III
PENDAFTARAN

- | | |
|--|---|
| 5. Pendaftaran Program Pengajian bagi Pelajar Baharu | 6 |
| 6. Pendaftaran Kursus | 6 |
| 7. Pertukaran Program Pengajian | 7 |

BAHAGIAN IV
BAYARAN

- | | |
|--|---|
| 8. Yuran dan Bayaran Lain | 7 |
| 9. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain | 7 |
| 10. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 7 |
| 11. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 7 |

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

- | | |
|---|---|
| 12. Tempoh Program Pengajian | 7 |
| 13. Penggantungan Program Pengajian Pelajar | 7 |

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

14. Struktur Program Pengajian	8
--------------------------------	---

BAHAGIAN VII
SISTEM PENASIHAT AKADEMIK

15. Fungsi Penasihat Akademik	8
-------------------------------	---

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

16. Penilaian	8
17. Jawatankuasa Pemeriksa	8

BAHAGIAN IX
PENYEMPURNAAN PROGRAM PENGAJIAN

18. Syarat Penyempurnaan	8
--------------------------	---

BAHAGIAN X
AM

19. Penamatan Status Akademik Pelajar	9
20. Kuasa Senat Membuat Peraturan	9
21. Pengecualian Pemakaian	9
22. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti	9
23. Pembatalan	10

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
[PROGRAM RANCANGAN PERSEDIAAN KHAS (JEPUN)] 2024**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

- (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2024 dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2024/2025.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) mulai Sesi Akademik 2024/2025.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan Rancangan Persediaan Khas (Jepun) yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dasar, polisi, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Bahagian” ertinya mana-mana Bahagian Pengajian Pusat;

“bilik peperiksaan” ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

“Bursar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, pembantu pengajar dan guru bahasa;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Pusat untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan pelajar dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Senat;

“Ketua Bahagian” ertinya Pengerusi mana-mana Bahagian Pengajian Pusat;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan program pengajian;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira di dalam pengiraan PNG dan PNGK;

“kursus” ertinya satu unit (1) pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu (1) tempoh tertentu, biasanya dalam satu (1) semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik bagi Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program Rancangan Persediaan Khas (Jepun);

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Pusat untuk memeriksa sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Pengarah Eksekutif” ertinya Ketua Pusat yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(5) Perlembagaan;

“Pengawas” ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program akademik;

“Penyelaras Program” ertinya seseorang yang dilantik oleh Pengarah Eksekutif daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu program akademik;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010];

“program akademik” ertinya sekumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan penyempurnaan program Rancangan Persediaan Khas (Jepun);

“Pusat” ertinya Pusat Asasi Sains yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi

akademik;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 22 Perlembagaan;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program akademik yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Senat;

“Sesi Kemasukan” ertinya sesi bilamana seseorang pelajar diterima masuk ke program Rancangan Persediaan Khas (Jepun);

“Struktur program pengajian” ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang pelajar untuk dianugerahkan sijil pengajian;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas (12) bulan

“tempat pengajian” ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

“Timbalan Pengarah Eksekutif” ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti sebagai Timbalan Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab bagi urusan program Rancangan Persediaan Khas (Jepun) di Pusat;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

BAHAGIAN II

PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN

3. Program Akademik

Program akademik yang ditawarkan oleh Universiti adalah seperti mana yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dari semasa ke semasa.

4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti

- (1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) hendaklah:
 - (a) memenuhi keperluan syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, syarat am Universiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan syarat khas kemasukan ke program pengajian yang ditetapkan oleh Senat;
 - (b) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;
 - (c) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar dari Klinik Universiti Malaya bahawa pemohon mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
 - (d) membayar yuran yang ditetapkan.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan

Senat atas perakuan Pusat serta memenuhi subkaedah (1)(b) hingga (d) di atas.

- (3) Kemasukan bagi program pengajian adalah pada permulaan Semester I setiap sesi akademik.
- (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk Semester I sesuatu sesi tertentu.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

5. Pendaftaran Program Pengajian bagi Pelajar Baharu

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2024.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) di atas adalah pelajar Universiti dan digelar pelajar program berkenaan. Nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.
- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk mengikuti program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal berbuat demikian, namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar serta terhenti daripada menjadi pelajar Universiti.
- (4) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dan tertakluk kepada subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar sekiranya pada pandangan Senat pelajar tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya dan nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan dan ditamatkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (4) ini adalah muktamad.
- (5) Penangguhan pendaftaran program pengajian pelajar baharu hanya boleh dipertimbangkan atas alasan perubahan atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara Universiti. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada sesi berikut yang berkenaan.

6. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus pada setiap semester mengikut syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

7. Pertukaran Program Pengajian

Seseorang pelajar yang telah mendaftar program pengajian yang ditawarkan tidak

dibenarkan untuk membuat pertukaran program pengajiannya.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

8. Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2024.

9. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

Pihak Universiti mempunyai hak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

10. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

11. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkenaannya:

- (1) dihalang daripada mendaftar kursus dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan;
- (2) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaannya, dan transkrip akademik; dan/atau;
- (3) dihalang daripada dianugerahkan sijil.

BAHAGIAN V **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

12. Tempoh Program Pengajian

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

13. Penggantungan Program Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan program pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak diambil kira dalam tempoh program pengajian.

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

14. Struktur Program Pengajian

Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian berkenaan seperti mana yang diluluskan oleh Senat.

BAHAGIAN VII
SISTEM PENASIHAT AKADEMIK

15. Fungsi Penasihat Akademik

- (1) Pengarah Eksekutif hendaklah memastikan Penasihat Akademik dilantik dalam kalangan guru untuk membimbing pelajar dalam perancangan program pengajiannya.
- (2) Penasihat Akademik bertanggungjawab bagi memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada, berdasarkan prestasi pengajian pelajar.
- (3) Pengarah Eksekutif bertanggungjawab untuk menentukan kaedah pelaksanaan sistem Penasihat Akademik di Pusat.

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

16. Penilaian

Penilaian bagi setiap program pengajian yang dijalankan oleh Universiti boleh dibuat secara Penilaian Akhir dan penilaian berterusan atau penilaian berterusan sahaja serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Pusat.

17. Jawatankuasa Pemeriksaan

Jawatankuasa Pemeriksaan yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program akademik.

BAHAGIAN IX
PENYEMPURNAAN PROGRAM PENGAJIAN

18. Syarat Penyempurnaan

- (1) Pelajar dianggap telah menyempurnakan program pengajian tertakluk kepada pelajar telah:
 - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan untuk dianugerahkan sijil dan

diluluskan oleh Senat; dan

- (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, tawaran dan penempatan ke Jepun adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Universiti tidak bertanggungjawab ke atas kegagalan pelajar mendapatkan tawaran dan penempatan ke Jepun.

- (2) Universiti berhak menahan penganugerahan sijil sekiranya pelajar gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan penyempurnaan pengajian seseorang pelajar, Universiti berhak untuk melucut sijil seseorang pelajar jika Universiti berpuas hati bahawa pelajar tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
 - (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan penyempurnaan program pengajiannya; dan/atau
 - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan sijil.

BAHAGIAN X **AM**

19. Penamatan Status Akademik Pelajar

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

20. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat Peraturan-Peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

21. Pengecualian Pemakaian

Walaupun apa pun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

22. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

23. Pembatalan

Kaedah-Kaedah Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2020 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 11.07.2024

YBhg.Tan Sri Zarinah Anwar
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010
PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA
[PROGRAM RANCANGAN PERSEDIAAN KHAS (JEPUN)] 2024

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

BAHAGIAN II
PERMOHONAN KEMASUKAN

2. Iklan dan Kemasukan
3. Syarat Kemasukan
4. Syarat Lain
5. Penangguhan Pendaftaran Program Pengajian bagi Pelajar Baharu

BAHAGIAN III
PENDAFTARAN

6. Pendaftaran Kursus
7. Kehadiran dalam Program Pengajian
8. Penarikan Diri daripada Kursus
9. Penarikan Diri dari Semester
10. Penarikan Diri daripada Program Pengajian
11. Penamatan Program Pengajian

BAHAGIAN IV
BAYARAN

12. Yuran dan Bayaran Lain

BAHAGIAN V
HAL-HAL BERKAITAN STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

13. Struktur Program Pengajian
14. Tempoh Penyempurnaan Program Pengajian
15. Penawaran dan Penyempurnaan Kursus
16. Penilai Luar Program

BAHAGIAN VI
PEPERIKSAAN

17. Kebenaran Menduduki Peperiksaan

18. Kaedah Penilaian Kursus
19. Jawatankuasa Pemeriksa
20. Skim Penggredan
21. Pengurusan Markah dan Gred
22. Penentuan Prestasi Akademik Pelajar
23. Keperluan Minimum Prestasi Akademik
24. Tempoh Pemerhatian Akademik dan Amaran
25. Ketidakjujuran Akademik
26. Gagal Keluar dan Ditamatkan Pengajian
27. Tidak Hadir Peperiksaan
28. Pengurusan Gred I
29. Peperiksaan Khas
30. Peperiksaan Tambahan
31. Hal-Hal Lain Berkaitan Peperiksaan

BAHAGIAN VII **RAYUAN**

32. Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan
33. Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Pusat
34. Kuasa Jawatankuasa Rayuan Pusat

BAHAGIAN VIII **PENYEMPURNAAN PENGAJIAN**

35. Keperluan Penyempurnaan Pengajian

BAHAGIAN IX **AM**

36. Kuasa Senat
37. Pengecualian Pemakaian
38. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti
39. Pembatalan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA [PROGRAM RANCANGAN PERSEDIAAN KHAS (JEPUN)] 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Kaedah 20, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2024, Senat Universiti Malaya membuat peraturan-peraturan seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

- (1) Peraturan-Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2024 dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2024/2025.
- (2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) mulai Sesi Akademik 2024/2025.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dasar, polisi, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN II PERMOHONAN KEMASUKAN

2. Iklan dan Kemasukan

- (1) Program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) Universiti hendaklah diiklankan dari semasa ke semasa oleh pihak yang berkenaan.
- (2) Permohonan masuk ke program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan.

3. Syarat Kemasukan

- (1) Setiap pemohon warganegara Malaysia yang ingin mengikuti program pengajian Rancangan Persediaan Khas (Jepun) yang telah ditawarkan dan bersetuju untuk menerima pembiayaan dari Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah memenuhi keperluan berikut:
 - (a) syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
 - (b) syarat am Universiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi;
dan
 - (c) syarat khas program yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Walau apapun syarat yang dinyatakan dalam subperaturan (1) di atas, dalam keadaan tertentu, kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Pusat.

4. Syarat Lain

Pemohon perlu mengesahkan penerimaan tawaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti. Tempoh sah laku tawaran kemasukan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam dokumen tawaran kemasukan. Selepas tempoh berkenaan, tawaran tersebut adalah luput sekiranya pemohon gagal melaporkan diri.

5. Penangguhan Pendaftaran Program Pengajian bagi Pelajar Baharu

- (1) Penangguhan pendaftaran program pengajian hanya boleh dipertimbangkan atas alasan perubatan atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara Universiti.
- (2) Permohonan penangguhan pendaftaran program pengajian hendaklah dibuat oleh pemohon secara bertulis kepada Timbalan Naib Canselor yang berkenaan dengan disertakan laporan perubatan atau dokumen sokongan yang berkaitan.
- (3) Penangguhan pendaftaran program pengajian boleh dibenarkan untuk tempoh satu (1) Sesi Akademik. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambilkira sebagai sebahagian dari tempoh program pengajian yang ditetapkan.
- (4) Tawaran akan luput sekiranya pemohon tidak juga mendaftar pada sesi yang ditetapkan.

- (5) Pelajar yang telah menyempurnakan pendaftaran kursus tidak dibenarkan untuk memohon penangguhan pendaftaran permulaan.
- (6) Pemohon yang dibenarkan penangguhan pendaftaran program pengajian tidak dianggap sebagai pelajar yang berdaftar dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

6. Pendaftaran Kursus

- (1) Pelajar dikehendaki mendaftar kursus mengikut struktur program pengajian yang ditetapkan oleh Pusat dan diluluskan oleh Senat.
- (2) Pendaftaran kursus hendaklah disempurnakan sebelum sesuatu semester bermula. Pelajar yang tidak menyempurnakan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan tidak dibenarkan untuk mengikuti kursus berkenaan.
- (3) Pendaftaran kursus yang mempunyai prasyarat hanya dibenarkan setelah pelajar lulus kursus prasyarat yang ditetapkan dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred C.
- (4) Pelajar bertanggungjawab menyemak dan memastikan kod kursus yang didaftar adalah betul. Selepas tamat tempoh yang ditetapkan, kursus yang didaftar adalah muktamad dan sebarang pindaan tidak dibenarkan.
